

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

ARAHAN UNTUK MEMASTIKAN PEMBEKALAN PETROL DAN BAHAN API DIESEL SENTIASA ADA DAN MENCUKUPI UNTUK JUALAN HARIAN

PUTRAJAYA, 26 DISEMBER 2018 - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan memastikan bekalan petrol dan diesel sentiasa ada dan mencukupi untuk jualan harian di seluruh negara dan menafikan dakwaan yang menjangka kemungkinan pengguna berdepan masalah mendapatkan petrol dan diesel menjelang 1 Januari 2019 seperti disiarkan media baru-baru ini.

Menurut Ketua Setiausaha KPDNHEP, Datuk Seri Jamil bin Salleh yang juga Pengawal Bekalan Malaysia, bahan api **petrol dan diesel telah diwartakan sebagai barang kawalan berjadual di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961** sejak 21 Jun 1975.

Oleh itu kerajaan akan memastikan bahawa pembekalan barang berjadual tersebut sentiasa ada di pasaran dan mudah diperolehi oleh pengguna pada setiap masa.

Sehubungan itu **sebagai pemegang lesen runcit petrol dan bahan api diesel di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974, para pengusaha stesen diwajibkan mematuhi syarat-syarat di dalam lesen seperti berikut :-**

1. Pemegang lesen adalah **bertanggungjawab untuk memastikan bahawa bekalan petrol dan bahan api diesel di premis yang dilesenkan sentiasa ada dan cukup untuk jualan harian;**
2. Pemegang lesen **tidak dibenarkan menutup stesen petrol / bahan api diesel atau memberhentikan penjualan petrol / bahan api diesel di stesennya tanpa kebenaran.**

Kegagalan pengusaha stesen untuk mematuhi arahan ini atau apa-apa syarat yang terkandung di dalam lesen runcit barang kawalan yang dikeluarkan merupakan suatu kesalahan di bawah Peraturan 21, Peraturan-Peraturan Kawalan bekalan 1974 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 22, Akta Kawalan Bekalan 1974. Jika disabitkan kesalahan boleh didenda sehingga RM1 juta atau penjara tiga tahun atau kedua-duanya bagi kesalahan pertama, atau denda RM3 juta bagi kesalahan kedua dan penjara sehingga lima tahun atau kedua-duanya.

Pegawai-pegawai Penguatkuasa KPDNHEP akan membuat pemantauan dan pemeriksaan dari semasa ke semasa ke atas stesen-stesen menjual bahan api berkenaan bagi memastikan bekalan bahan api tersebut sentiasa mencukupi untuk kegunaan orang ramai.

Jika didapati ada peniaga yang tidak mematuhi undang-undang / peraturan berkenaan, **pengguna boleh menyalurkan aduan** kepada Kementerian ini melalui:

- (i) Portal e-aduan KPDNHEP (**<https://eaduan.kpdnkk.gov.my>**)
- (ii) Call centre KPDNHEP **1800-886-800**
- (iii) Emel aduan **e-aduan@kpdnkk.gov.my**
- (iv) Aplikasi **Ez ADU KPDNHEP** (aplikasi telefon pintar)
- (v) Pusat Informasi dan Gerakan Strategik (PIGOS) : **03-8882 6088 / 6245**
- (vi) Hadir sendiri ke **Pejabat KPDNHEP** yang berdekatan
- (vii) Whatsapp ke **019- 279 4317**
- (viii) **Surat Rasmi** ke Pejabat KPDNHEP berdekatan
- (ix) **Bilik Gerakan KPDNHEP Negeri** (senarai nombor talian layari portal rasmi KPDNHEP)

###
